

Ritual Perubatan Tradisional Penyakit Kayap dengan Unsur Sejuk Panas dalam Masyarakat Melayu

Nur Syuhadah Yusof^{1*}, Nor Azita Che Din², Farah Hanini Abdul Rahman² dan Midiyana Mohamad²

¹BERNAMA.

²Universiti Teknologi MARA.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti bahan-bahan dan ritual yang digunakan bagi menyembuhkan penyakit kayap yang berunsur sejuk panas. Tujuan perubatan tradisional kayap dilakukan adalah bagi menghindarkan unsur panas ubat yang terdiri daripada campuran kimia dan menyokong limitasi rawatan moden yang masih kurang memberi kesan yang baik dalam mengubati kayap. Kajian ini memfokuskan kepada bahan dan ramuan pengubatan penyakit kayap. Seterusnya ritual perubatan dijalankan dan akhir sekali barulah dititikberatkan mengenai pantang-larang penyakit kayap. Dapatan kajian mendedahkan bahawa ritual perubatan penyakit kayap dijalankan sebanyak tiga (3) kali sehari dan dilakukan secara berulang sehingga diyakini sembuh dengan kesan sembuhan yang dapat dilihat seawal tiga (3) hari. Justeru kajian ini perlu dilakukan bagi menjelaskan kepada generasi akan datang mengenai keaslian dan kemujaraban perubatan tradisional kayap ini.

Kata Kunci: Ritual, Perubatan Tradisional, Kayap, Unsur Sejuk Panas, Masyarakat Melayu.

ABSTRACT

This study is to identify the types of shingles, review the materials and ritual used to cure this disease that characterized the cold-hot, and review taboos are in the process of treating shingles. Traditional medical purposes shingles do is to avoid the heat element consisting of a mixture of drug substances and supports modern treatment limitations that still lacks good effect in treating shingles. The main assumption of this study is the full involvement of traditional healers known as the 'Bomoh Kayap' or shingles as powerful man in the running and ensuring the smooth running of ritual. Start by identifying the types of shingles, followed by the preparation of medical ingredients. There are medical ritual carried out, and finally focused on the taboo disease shingles. Findings reveal that the shingles disease medical ritual conducted by three (3) times a day and is done repeatedly until the effect is believed to heal the wound that can be seen as early as three (3) days. Therefore this study should be made to explain to future generations about the authenticity of the efficacy of traditional medicine has shingles.

Keywords: Ritual, Traditional Medical, Shingles, Cold-Hot, Malay community.

PENGENALAN

Sistem perubatan tradisional Melayu merupakan satu aspek tradisi perubatan yang penting sejak zaman dahulu terutama sebelum masyarakat Melayu menerima pengaruh moden dari Barat. Ahli Antropologi perubatan Melayu mendefinisikan sistem perubatan itu sebagai himpunan nilai, amalan, kepercayaan yang bertanggungjawab terhadap pengertian, pengenalan, pencegahan dan penyembuhan kepada sesuatu fenomena yang dikenali sebagai sakit-demam. Jika diteliti dalam konteks kesihatan perubatan, sistem perubatan ini tidak terbatas kepada satu-satu aspek sahaja

*Koresponden: syudyusof@gmail.com

malah dikatakan merangkumi keseluruhan aspek yang mencakupi unsur-unsur teknikal, unsur-unsur normatif, sosial, kemanusiaan, psikologi, budaya dan faktor-faktor fisiokimia yang bersesuaian dengan kesihatan. Pencantuman keseluruhan aspek itu telah menjadikan sistem perubatan tradisional Melayu bersifat holistik. Sistem ini dikatakan tidak saintifik oleh ahli-ahli antropologi Barat kerana premisnya berteraskan kaitan yang rapat antara alam, alam ghaib, masyarakat dan individu. Dalam sistem perubatan tradisional Melayu, pakar-pakar perubatan tradisional dikatakan mempunyai pengetahuan yang mendalam (Ahmad Zabani Morad, 2001).

Kayap adalah sejenis penyakit kulit yang berair dan gatal. Kulit pesakit kelihatan berbintik-bintik kemerahan, bernanah atau berair. Kulit terasa panas seperti dilumuri cili padi. Bintik-bintik ini kemudiannya akan pecah menjadi kayap dengan pelbagai bentuk yang dinamai sebagai kayap ular, kayap tapak kucing, kayap selendang (Norhalim Haji Ibrahim, 1996). Rawatan perubatan tradisional dipercayai berkesan menyembuh penyakit ini.

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian-kajian terdahulu, masih kurang kajian dan pendokumentasian berkaitan rawatan perubatan tradisional penyakit kayap khususnya di negeri Perlis. Namun begitu, kajian berkaitan rawatan perubatan tradisional penyakit lain telah dilakukan seperti rawatan santau (Ahmad Zabani, 2001). Selain itu, terdapat juga kajian-kajian terdahulu yang menghuraikan kaedah rawatan perubatan tradisional untuk kepelbagaian jenis penyakit seperti Norhalim Hj. Ibrahim (1996) dan Haliza (1999). Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan tersebut, Norhalim Hj. Ibrahim (1996) hanya menyentuh secara ringkas tentang rawatan penyakit kayap oleh masyarakat kaum Melanau di Sarawak. Justeru, kajian ini akan menghuraikan dengan lebih lanjut berkaitan rawatan penyakit kayap dalam masyarakat Melayu.

PENYATAAN MASALAH

Pernah suatu ketika perubatan dan rawatan tradisional Melayu menjadi tidak popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh penemuan kaedah-kaedah perubatan dan rawatan yang lebih moden dan saintifik. Kaedah perubatan dan rawatan seperti ini lebih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Perubatan dan rawatan tradisional Melayu terpaksa bersaing dengan amalan perubatan dan rawatan baru ini.

Namun begitu, kaedah perubatan moden juga merangkumi limitasi rawatan yang tersendiri bagi sesetengah penyakit. Bagi penyakit kayap, penyakit ini lebih sinonim dengan perubatan secara tradisional berikutan sifat penyakit itu sendiri yang memerlukan tumbuh tumbuhan atau herba yang bersifat sejuk. Hal ini berbeza dengan kaedah rawatan perubatan moden yang banyak menggunakan bahan kimia yang bersifat panas dan kurang memberi kesan yang cepat dan baik. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa adalah penting untuk mengkaji kaedah rawatan perubatan tradisional penyakit kayap.

Hal ini berdasarkan permasalahan yang timbul iaitu dikatakan bahawa perubatan moden gagal menemukan rawatan sesuai yang memberi keberkesanan bagi mengubati penyakit kayap. Hal ini demikian kerana suatu kenyataan umum mengenai ubat-ubatan moden sama ada dalam bentuk pil, kapsul, dan juga suntikan dianggap panas. Selain itu, masyarakat umum masih lagi tidak mengetahui secara meluas tentang adanya rawatan tradisional yang mampu menangani masalah penyakit kayap dengan lebih cepat dan berkesan. Oleh yang demikian, adalah penting kajian ini dijalankan bagi mendedahkan cara perubatan tradisional kayap agar diketahui dengan lebih meluas.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menghuraikan bahan-bahan berunsur sejuk-panas dalam proses pengubatan penyakit kayap
- ii. Menganalisis ritual dalam proses pengubatan penyakit kayap

KERANGKA KONSEP

Perubatan Tradisional

Perubatan tradisional atau folk-medicine adalah satu kaedah rawatan yang diamalkan secara menyeluruh dalam masyarakat tradisional (Black 1967:1-2). Kaedah rawatan ini diwarisi sejak turun temurun dari satu generasi ke satu generasi, sama ada secara lisan atau tulisan yang disertakan dengan praktikal. Dalam masyarakat tradisional, kaedah rawatan ini diperturunkan dari orang tua kepada anak atau cucu mereka atau diperturunkan oleh orang-orang tertentu seperti bomoh atau pawang melalui pembelajaran.

Istilah perubatan tradisional adalah terjemahan daripada perkataan Inggeris "Traditional Medication". Traditional berasal dari perkataan "tradision" yang bermaksud "the delivery of opinion, doctrines, practice, rites and costumes from generation by oral communication" (Webster 1975:1092). Sementara perkataan medication pula membawa maksud the act of process of medicating or treating with medicinal substances (Webster 1975:1117).

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010:1753), perubatan ditakrifkan sebagai perihal berubat yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati seperti ilmu perubatan dan pakar yang melibatkan perubatan. Oleh yang demikian, perubatan ialah segala usaha yang dilakukan untuk menghalang dan menyembuhkan penyakit.

Kayap

Dalam istilah perubatan moden, menerusi nama saintifik kayap juga dikenali sebagai Zoster atau Herpes Zoster, iaitu ruam kulit yang disebabkan oleh saraf dan radang kulit daripada virus yang menyebabkan cacar air. Virus ini dipanggil virus Varicella Zoster (VZV) dan tergolong dalam keluarga Herpes Virus. Selepas seseorang individu mempunyai cacar air, virus ini hidup tidak aktif dalam sistem saraf dan tidak pernah dibersihkan sepenuhnya dari badan. Di bawah keadaan tertentu, seperti tekanan emosi, kekurangan imun (AIDS atau kemoterapi), atau dengan kanser, virus ini aktif semula dan menyebabkan virus kayap (Jurnal Akademik).

Dalam istilah perubatan tradisional pula, penyakit kayap dikatakan sebagai "benda hanga" yang menghidap pada anggota badan seakan melecur dan berupaya mencairkan isi daging seseorang yang dipercayai mempunyai misteri yang tersendiri. Penyakit ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu kayap kecil (kayap tapak kucing, kayap air) dan kayap besar (kayap ular atau kayap selendang).

Konsep Sejuk-Panas

Mengikut Logan (1973:489), sejuk dan panas dalam teori humoral bukanlah merujuk kepada suhu yang biasa disukat tetapi merujuk kepada :

".....constitutional essence or innate character of a given item or personal state of being. Natural object, foods and illness possess these symbolic qualities and can alter the health of an individual through contact, consumption or contagion. For example, over consumption of hot food increases the body's normal content of heat and, if excessive, provokes ailments thought to be hot in nature".

Berdasarkan struktur teori Humoral Greek dan konsep sejuk-panas, struktur asal teori ini dikemukakan oleh Hippocrates. Beliau menyatakan bahawa badan manusia terdiri daripada empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin (Foster & Anderson, 1978 ; Manderson, 1981). Seterusnya semua unsur tersebut berhubung pula dengan empat „humor“ iaitu darah, kahak, hempedu hitam dan hempedu kuning. Dari empat „humor“ itu, didapati pula sifat-sifat atau ciri panas, sejuk, kering dan basah. Pembahagian empat humor dengan sifat-sifatnya adalah seperti berikut:

Darah : panas dan basah
Kahak : sejuk dan basah
Hempedu Kuning : panas dan kering
Hempedu Hitam : sejuk dan kering.

Pengamal Perubatan Tradisional

Dalam masyarakat Melayu, perubatan tradisional merupakan kaedah rawatan penting. Pengamal perubatan tradisional dikenali sebagai bomoh atau pawang. Mereka adalah orang yang memainkan peranan utama dalam kaedah rawatan ini. Mereka dianggap sebagai golongan yang arif dalam usaha merawat pesakit. Pengamal perubatan tradisional Melayu banyak bergantung kepada pengetahuan dan ingatan yang diwarisi daripada gurunya secara turun-temurun. Ada juga yang dikatakan mendapat ilmu tentang perubatan dan rawatan melalui mimpi atau ilham dengan cara-cara yang tertentu.

METODOLOGI

Kajian Lapangan

Kajian lapangan adalah proses yang penting bagi pengkaji untuk mendapatkan data. Proses ini dilakukan setelah pengkaji mengenal pasti objektif dan data yang sesuai dengan kajian. Lokasi bagi menjalankan kajian lapangan telah dipilih berdasarkan data kajian supaya maklumat yang diperoleh adalah tepat dan jelas. Pengkaji telah menetapkan Kg. Baru Syed Omar di negeri Perlis, iaitu sebuah perkampungan yang terkenal dengan keberkesanan perubatan penyakit kayap secara tradisional oleh seorang pengamal perubatan tradisional di kawasan tersebut. Seterusnya pengkaji menggunakan kaedah temu bual bersama informan yang telah ditetapkan sebagai data kajian untuk mendapatkan data yang akan dianalisis. Kaedah demonstrasi turut dilakukan bagi mewujudkan suasana sebenar rawatan penyakit kayap dijalankan.

Temu Bual

Temu bual dijalankan dengan beberapa orang informan iaitu Yusof Omar selaku pengamal perubatan tradisional penyakit kayap dan isterinya Rusnah Habin selaku pembantunya. Pengkaji turut mendekati beberapa informan lain terlibat secara tidak langsung dan mempunyai pengetahuan am sedikit sebanyak mengenai jenis tumbuhan herba yang dijadikan rawatan kayap. Selain itu, pengkaji turut mengenal pasti responden yang merupakan bekas pesakit kayap yang pernah menerima rawatan informan.

Kaedah Pemerhatian Demonstrasi

Selain daripada menemu bual informan, kaedah kajian lapangan turut dijalankan menerusi kaedah demonstrasi oleh pengamal perubatan itu sendiri. Hal ini demikian kerana ketiadaan pesakit semasa yang menerima rawatan untuk diambil pengkaji sebagai data terkini. Pengkaji melakukan pemerhatian ke atas demonstrasi yang dijalankan. Kaedah demonstrasi ini diambil

oleh pengkaji dan dilakukan oleh informan bagi memperlihatkan secara langsung sebahagian daripada objektif kajian yang dijalankan iaitu jenis kayap serta kaedah rawatannya. Hal ini juga disebabkan oleh ketiadaan pesakit semasa yang menjalani rawatan.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

BAHAN-BAHAN DAN RITUAL YANG DIGUNAKAN BAGI MENYEMBUHKAN PENYAKIT KAYAP YANG BERUNSUR SEJUK – PANAS

Keperluan Bahan Ketika Merawat

Bahan-bahan utama yang diperlukan untuk mengubati penyakit kayap adalah terdiri daripada tumbuhan semulajadi. Kesemua bahan ini adalah sesuai untuk mengubati kesemua jenis kayap. Bahan-bahan ini dipilih berdasarkan unsur sejuk-panas. Pengkaji dimaklumkan bahawa terdapat sepuluh (10) jenis tumbuhan utama yang digunakan oleh beliau sebagai bahan rawatan. Bahan ini boleh terdiri daripada jenis tumbuhan berikut:

Pokok Delima

Menurut pembuktian saintifik, buah Delima mengandungi riboflavin, tiamin, niasin, vitamin C, kalsium dan fosforus. Khasiat buah delima dapat menghalang pembentukan sel kanser, dan mencantikkan kulit. Berlainan pula dengan informan, beliau menyatakan bahawa selain daripada khasiat buahnya yang turut digunakan sebagai ubat kayap, kegunaannya adalah pelbagai. Bahagian kulit, daun dan pucuk daun bagi pokok delima juga boleh digunakan bagi mengubati penyakit kayap. Hal ini demikian kerana tumbuhan ini dikatakan bersifat sejuk. Secara keseluruhannya, jenis tumbuhan ini lebih sesuai digunakan bagi merawat jenis kayap kecil.

Pokok Bunga Raya Putih

Pokok bunga raya terdiri daripada beberapa spesies bagi warna bunganya. Spesies yang kerap kali dijumpai tanamannya di kawasan halaman rumah-rumah kampung adalah Bunga raya Putih dan Bunga raya Merah. Dikatakan bahawa Pokok Bunga

Raya Putih lebih besar khasiatnya dan pokok ini adalah pelbagai guna dalam mengubati penyakit kayap. Khasiat bagi Pokok Bunga raya Putih adalah membantu membuang panas dalam badan. Secara tradisionalnya, sifat pokok ini juga dikatakan sejuk. Akarnya, bunganya mahupun daunnya boleh digunakan bagi menghasilkan ubat bagi penyakit kayap.

Pokok Bunga Melur

Menurut informan, pokok bunga melur terdiri daripada beberapa jenis yang disebut sebagai melur besar atau melur pokok, melur susun atau melur kecil. Bagi ciri melur besar atau disebut sebagai melur pokok ini adalah spesies pokok bunga melur yang tumbuh membesar tinggi dan bercabang yang membentuk pohon. Berbeza pula dengan melur susun yang juga dikenali sebagai melur kecil kerana ciri pokoknya yang kecil dan tumbuh meliar tidak menjalar seperti mana melur besar. Ciri pokoknya adalah sebesar pokok cili. Untuk tujuan perubatan kayap, melur susun atau melur kecil dikatakan lebih berkesan. Seperti juga pokok bunga raya, pokok bunga melur ini juga sejuk sifatnya. Bahagian yang boleh dijadikan ubat bermula daripada akar, bunga hingga ke pucuknya.

Sekiranya ketiadaan sumber bahan daripada pokok delima atau pokok bunga raya putih yang terhad keberadaannya masa kini serta sukar didapati, pokok bunga melur boleh dijadikan pilihan. Pengkaji difahamkan oleh informan bahawa kadang kala juga, beliau sering menukar jenis

ramuan bahan utama yang digunakan mengikut keselesaan dan kemudahan untuk mendapatkan bahan.

Daun Sirih

Daun sirih amat terkenal dalam masyarakat Melayu. Tumbuhan ini tumbuh melata dan biasanya bersandar pada pohon lain dan mempunyai ciri tanaman yang mampu tumbuh mencapai tinggi 15 meter. Khasiat daun sirih adalah pelbagai. Bagi mpenyakit kayap, daun sirih digunakan sebagai salah satu bahan merawat kerana khasiatnya yang terbukti boleh mengubati eksim, atau penyakit kulit lainnya. Daun sirih dipilih kerana sifatnya yang panas bagi melawan penyakit kayap yang berunsur panas. Unsur panas berlawanan panas akan menghasilkan rasa sejuk menurut pedoman pengamal perubatan penyakit kayap apabila daun sirih dicampurkan dengan bahan ubatan sampingan sebagai ramuan.

Daun Nangka

Daun nangka bercirikan permukaan daunnya yang licin dan cantik. Pengamal perubatan ini mempercayai bahawa ciri licin bagi daun tersebut adalah tujuan utama ianya dipilih iaitu bagi mengembalikan kelicinan pada kulit sepertimana asalnya.

Daun yang gugur ke tanah dengan bahagian permukaan licin daun berada disebelah atas seperti mana keadaan daun pada pohonnya sahaja akan dipilih sebagai bahan rawatan berbanding daun yang gugur tertiarap pada permukaan belakang daunnya yang kesat. Jika tiada daun yang masak gugur, daun separa masak juga boleh digunakan dan langsung dipetik daripada pokok. Menurut informan, hal ini berdasarkan faktor keyakinan supaya sembuh penyakit itu dan licin sepertimana permukaan daun nangka di sebelah atas daunnya.

Daun nangka juga dipilih kerana sifatnya yang kelat. Rasa kelat ini mampu bertindak balas dengan bahan-bahan sampingan rawatan yang bakal digunakan sebagai ramuan. Daun nangka yang baru gugur dari pohonnya dipilih sebagai yang utama berbanding daun yang dipetik daripada pokok.

Buah Pinang

Tumbuhan ini memiliki buah dengan cangkang serabut serupa kelapa. Buah pinang juga popular dijadikan pelengkap budaya menyirih. Terdapat dua jenis pokok pinang iaitu pokok pinang kampung dan pokok pinang raja. Pinang kampung adalah tinggi pokoknya setinggi-tinggi pokok kelapa. Pinang kampung yang masak akan bewarna jingga kulitnya. Buahnya adalah berbentuk bulat sebesar gasing. Berbeza pula dengan pinang raja, pokoknya adalah bersaiz sederhana dan tidaklah setinggi pokok pinang kampung. Saiz buahnya pula adalah kecil dan berbentuk bujur. Buahnya yang masak akan berwarna merah. Bagi kedua-dua buah pinang ini, rasanya adalah kelat. Di sebalik rasa pinang yang kelat inilah yang menyimpan manfaat yang cukup besar khususnya buah yang masih muda. Untuk tujuan perubatan kayap, kedua-dua jenis pinang ini adalah sesuai digunakan.

Ubi Cendol

Ubi cendol merupakan spesies tanaman pokok bunga yang ditanam di dalam pasu. Pokok ini selalunya ditanam sebagai tanaman landskap. Tanamannya yang banyak akan tumbuh merimbun dan membentuk landskap yang cantik. Di sebalik sifat tanaman hiasannya, ubi cendol mempunyai khasiat yang tersendiri. Ubinya adalah bersaiz kecil yang berbentuk seperti mana cendol dan berwarna putih. Untuk tujuan rawatan, ubinya yang bersifat sejuk ini akan diambil dan dihasilkan ramuan bagi penyakit kayap. Unikunya pokok ini adalah tidak seperti tumbuhan berubi yang lain yang ubinya berada di dalam tanah. Ubi cendol timbul dan berada pada bahagian atas lantai pokok. Hal ini memudahkan proses pengambilan ubi tersebut.

Ubi Kayap

Ubi kayap adalah spesies yang khusus berkaitan penyakit kayap yang bertindak sebagai penyembuh utama penyakit tersebut dengan sifatnya yang sangat sejuk. Kulitnya adalah berwarna hitam dan berbulu, namun isinya berwarna putih. Pengkaji dimaklumkan informan bahawa ubi kayap ini merupakan tumbuhan liar yang tumbuh melekat pada batang pokok-pokok besar seperti mana penyakit kayap yang menghidapi tubuh badan manusia. Justeru itu ianya dinamakan sebagai ubi kayap. Ubi ini unik kerana tidak hidup di atas tanah. Keberadaan ubi kayap adalah di dalam hutan lazimnya pada pokok-pokok balak. Tumbuhan ini tumbuh melekat pada batang pokok besar dengan kedudukan serendah tiga (3) kaki dan boleh mencapai ketinggian kedudukan setinggi lima (5) kaki daripada lantai pokok. Ubinya bewarna putih dan bersaiz besar. Ubi ini sedikit sukar untuk didapati kerana kehadirannya adalah bermusim. Pada musim panas, ubinya akan kering. Ubinya akan kembali kembang pada musim hujan. Informan memberitahu bahawa biarpun ubi kayap adalah tumbuhan yang paling mujarab namun keberadaannya adalah terhad dan sukar untuk didapati. Hal ini demikian kerana ubi ini tidak boleh ditanam di kawasan rumah atau di mana-mana tempat untuk tujuan pemeliharaan dengan pantang larang tradisi sejak dahulu kala. Bahawasanya jika ia ditanam, seolah-olah seseorang itu menempah kayap dan berupaya menyerang masyarakat sekeliling. Justeru, tidak hairanlah banyak tumbuhan semula jadi lainnya yang bersifat sejuk dijadikan bahan mengubati kayap.

Pokok Duit-duit

Pokok duit-duit merupakan tumbuhan liar hutan. Pokok ini adalah spesies menumpang yang hidup menjalar dan membelit pada batang-batang pokok besar. Ciri pokok ini adalah seakan duit syiling satu sen bagi saiznya dan berwarna hijau. Pokok duit-duit sesuai dijadikan salah satu ubatan kayap oleh kerana sifatnya yang sejuk.

Pokok Setawar

Pokok setawar adalah sejenis tumbuhan hijau yang tidak berbunga namun ditanam sebagai hiasan. Daunnya adalah berbentuk bujur dan berlekuk-lekuk pada bahagian tepi. Uniknyanya pokok ini adalah pada setiap lekuk daun tersebut akan tumbuhnya akar jika daunnya dipetik dan disimpan. Jika tidak dipetik daunnya, pokok ini akan mengeluarkan anak pokok melalui akar serabut. Pokok Setawar juga sejuk sifatnya. Sesuai dengan namanya, pokok ini mampu menawar penyakit khususnya kayap. Walau begitu, informan memaklumkan bahawa tumbuhan semula jadi lain yang bersesuaian juga boleh digunakan mengikut kepada setiap pengamal perubatan tradisional itu sendiri.

Keperluan Bahan Pembantu sebagai Campuran

Bagi melengkapi tumbuhan semula jadi di atas sebagai rawatan, bahan pembantu diperlukan sebagai ramuan untuk menghasilkan tindak balas yang baik. Tiga bahan pembantu utama diperlukan iaitu lada hitam, bedak sejuk serta kapur. Ketiga-tiga bahan ini digunakan sebagai bahan pembantu kerana sifatnya yang berunsur sejuk-panas. Bahan-bahan ini kemudiannya akan digandingkan bersama jenis tumbuhan semulajadi yang telah dinyatakan di atas mengikut kepada kesesuaian sifat atau unsur sejuk-panas.

Lada Hitam

Lada hitam amat sinonim dengan perubatan tradisional Melayu. Lada hitam bersifat panas. Penggunaan lada hitam sebagai bahan pembantu dalam menyediakan ramuan ubatan adalah penting berdasarkan unsur sejuk-panas. Pengkaji dimaklumkan bahawa biji lada hitam adalah lebih baik penggunaannya berbanding serbuk lada hitam yang telah diproses bagi menghasilkan ramuan. Rasa pedas biji lada inilah yang dikatakan sifatnya yang panas. Sebatian bahan yang akan

diarutkan sebagai ramuan menghasilkan aroma lada yang mampu mengubati. Lada hitam akan digandingkan dengan jenis tumbuhan yang panas. Selain itu, sifat kelat tumbuhan juga digandingkan bersama sifat panas.

Bedak Sejuk

Selain terkenal dengan fungsi mencantikkan kulit wajah secara tradisional, bedak sejuk juga mempunyai khasiat ubatan. Bedak sejuk dipilih dan digunakan sebagai bahan pembantu menghasilkan ramuan kerana sifatnya yang sejuk. Sifat ini akan berlawanan dengan unsur panas penyakit kayap. Justeru bedak sejuk akan digandingkan dengan jenis tumbuhan yang sejuk.

Kapur

Kapur yang dimaksudkan adalah kapur sirih yang dijadikan agen penambah perasa memakan sirih pinang dahulu kala. Kapur ini adalah panas sifatnya. Penggunaan kapur ini dalam menghasilkan ramuan atau sebatian adalah penting sebagai pelengkap. Seperti juga di atas, kapur akan digandingkan dengan tumbuhan yang panas sifatnya seperti mana kapur. Pun begitu, kapur yang berunsur panas juga digandingkan bersama sifat kelat pada tumbuhan yang digunakan sebagai bahan mengubati penyakit.

Air

Air adalah bahan pembantu sampingan yang digunakan. Air tidak termasuk dalam unsur sejuk-panas bahan yang digunakan. Kegunaan air adalah untuk membantu melicinkan proses ramuan bahan dilakukan. Air yang digunakan adalah air mentah. Kuantitinya adalah tidak ditetapkan.

Padanan Bahan Semulajadi dan Bahan Pembantu bagi Unsur Sejuk- Panas serta Unsur Kelat-Panas

Seterusnya, bagi menghasilkan ramuan ubat penyakit kayap, padanan antara bahan utama dan bahan pembantu itu tadi akan dilakukan. Hal ini demikian kerana pengamal perubatan ini perlu bermain dengan unsur sejuk-panas dalam usaha merawat penyakit kayap yang bersifat panas. Bahan yang sekufu atau sama sifatnya akan digandingkan. Hal ini bermaksud bahan semulajadi yang bersifat sejuk akan digandingkan bersama bahan pembantu yang sejuk sifatnya. Manakala, bahan semulajadi yang panas sifatnya akan digandingkan bersama bahan pembantu yang bersifat panas.

Selain itu, pengamal perubatan ini turut mengambil kira unsur kelat pada tumbuhan tertentu yang dijadikan bahan dan akan digandingkan bersama unsur panas. Unsur kelat adalah sejuk sifatnya. Hal ini menunjukkan padanan yang berlawanan sifat. Menurut informan, padanan unsur tersebut adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual Padanan unsur sejuk-panas

BAHAN UTAMA	SIFAT	BAHAN PEMBANTU	SIFAT
Pokok Delima	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk
Pokok Bunga Raya Putih	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk
Pokok Bunga Melur	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk
Daun Sirih	Panas	Lada Hitam, Kapur	Panas
Daun Nangka	Kelat (sejuk)	Lada Hitam, Kapur	Panas
Buah Pinang	Kelat (sejuk)	Lada Hitam, Kapur	Panas
Ubi Cendol	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk
Ubi Sagu Beremban	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk

Pokok Duit-duit	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk
Pokok Setawar	Sejuk	Bedak Sejuk	Sejuk

Berdasarkan Jadual 1 di atas menerusi padanan berikut, pengamal perubatan ini meyakini bahawa unsur panas berlawanan panas akan menghasilkan rasa sejuk, dan unsur sejuk berlawanan sejuk akan turut menghasilkan rasa sejuk. Beliau telah beramal dengan unsur ini sejak hampir enam (6) tahun yang lalu dan telah menemui keberhasilannya dalam bermain dengan padanan unsur sejuk-panas.

Ramuan Ubatan Penyakit Kayap

Seterusnya, setelah mengetahui padanan unsur tersebut, bagi menghasilkan penawar penyakit, ramuan ubatan akan dilakukan. Ramuan akan dihasilkan dengan campuran bahan-bahan utama serta bahan pembantu yang telah dinyatakan. Kajian ini akan membicarakan tentang penggunaan bahan-bahan, kuantiti atau sukatan, kaedah pemprosesan ramuan ubatan kayap berdasarkan keterangan yang diberikan oleh informan selaku pengamal perubatan ini. Ramuan tersebut dihasilkan dengan aggaran kuantiti minimum sebanyak 200 gram ubatan sahaja setelah bahan dicampur-adukkan. Kuantiti bahan yang digunakan untuk menghasilkan 200 gram ramuan ubatan ini pula adalah tidak tetap dan bergantung kepada saiz kayap. Yang pastinya, bahan utama ramuan akan melebihi kuantiti bahan-bahan campuran. Ramuan tersebut tidak akan disediakan banyak dan hanya boleh digunakan dalam satu hari tempoh rawatan sahaja. Proses penyediaan ramuan ubatan perlu diulang semula pada setiap hari demi menjamin kesegaran dan keberkesanan ubatnya. Kuantiti bahan yang digunakan adalah tidak tetap dan akan berubah mengikut kepada keperluan rawatan.

Ramuan 1: buah delima/kulit buah delima/akar/pucuk delima, bedak sejuk dan air

Cara memproses dan Kegunaannya

i) Buah Delima

Buah Delima adalah sejuk sifatnya dan mengeluarkan rasa yang manis. Jika isi Buah Delima yang digunakan, isi buahnya akan dikisar halus menggunakan mesin pengisar yang dicampur air. Hal ini demikian kerana isinya mempunyai biji Buah Delima yang keras jika tidak dikisar. Buah ini akan dijadikan jus Delima untuk diminum pesakit sebagai air penyejuk badan.

ii) Kulit Buah Delima

Kulit Buah Delima bersifat kelat. Kulitnya juga adalah sesuai dijadikan ubat. Sekiranya Kulit Buah Delima digunakan sebagai ramuan, ianya perlu ditumbuk halus menggunakan lesung batu. Sedikit air diletakkan bagi membolehkan kulit buah tersebut dikisar lumat sehingga menjadi pekat. Kemudiannya, kulit yang telah dikisar tersebut akan dicampur bersama bancuhan Bedak Sejuk. Bancuhan Bedak Sejuk itu tadi adalah dengan menggunakan air yang keluar daripada kisan Kulit Delima. Ramuan ini akan ditampal pada bahagian kayap.

iii) Akar Pokok Delima

Akar Pokok Delima bersifat sejuk. Jika akarnya digunakan, akar pokok tersebut perlu diasah pada permukaan bawah pasu bunga yang diperbuat daripada tanah liat. Pasu yang rosak disimpan oleh pengamal perubatan ini untuk tujuan asahan tersebut. Permukaan bawah pasu bunga tersebut adalah kasar. Sedikit air akan diletakkan pada permukaan bawah pasu yang rosak untuk tujuan asahan akar. Apabila akar diasah pada bahagian yang diletakkan air tersebut, ianya akan mengeluarkan lendiran air daripada akar pokok delima yang akan diambil sebagai ubat. Asahan akar ini adalah bersifat asli dan tidak perlu dicampur bersama bedak sejuk. Hasil air akar

daripada asahan tersebut akan terus diambil dan disapukan pada bahagian yang terjadinya kayap. Pada kebiasaannya, kegunaan akar akan digandingkan bersama daun.

iv) Pucuk Delima

Seterusnya, Pucuk Delima mahupun Daun Delima juga tidak terkecuali dalam usaha menghasilkan ramuan ubatan penyakit kayap. Pucuk Daun Delima adalah lebih mudah didapati dan mudah diambil berbanding buahnya, kulitnya mahupun akarnya. Buahnya sedikit sukar untuk didapati kerana kehadirannya adalah bermusim. Jika buahnya tiada, maka kulitnya juga tidak boleh didapatkan. Begitu juga akarnya yang memerlukan kerja keras untuk mendapatkannya dengan cara mengorek akar. Untuk ramuan daripada pucuk delima, pucuknya atau daunnya hendaklah ditumbuk menggunakan lesung batu dengan kadar separa lumat. Setelah itu, daun yang telah ditumbuk akan dicampur bersama bancuhan bedak sejuk. Sebatian pucuk delima bersama bedak sejuk dan air tidak boleh terlalu lumat. Hal ini membolehkan daun tersebut melekat dengan tekstur yang baik untuk diletakkan pada bahagian yang terjadinya kayap. Campuran ini setelah diproses akan menghasilkan ramuan yang bersifat lendir dan sejuk yang sesuai bagi mengubati kayap. Ramuannya akan ditampal pada bahagian kayap. Untuk kesan yang lebih baik, pucuk delima boleh digandingkan bersama pucuk daun bunga melor. Kedua-dua daun ini ditumbuk atau dikisar dan dicampurkan dengan Bedak Sejuk yang dibancuh pekat. Kemudiannya disapu atau ditampal pada tempat jangkitan kayap tersebut.

Ramuan 2: bunga raya putih/akar/daun, bedak sejuk dan air

Cara Memproses dan Kegunaannya

i) Bunga Raya Putih

Bunga Raya Putih adalah sejuk sifatnya. Ekstrak Bunga Raya ini mampu mengurangkan panas di dalam badan. Bagi menghasilkan ubatan daripada Bunga Raya Putih, bunganya yang kembang akan dipilih. Proses penghasilannya adalah dengan cara meramas bunga tersebut yang ditambah sedikit air. Air tidak boleh diletakkan banyak bagi menghasilkan ekstrak yang pekat hasil daripada ramasan bunga tersebut. Seterusnya, untuk kesan yang lebih baik, air Bunga Raya Putih yang telah diramas itu tadi akan dicampurkan bersama bancuhan Bedak Sejuk dengan anggaran kuantiti yang telah dinyatakan dalam jadual. Bancuhan Bedak Sejuk bersama sedikit air juga tidak boleh terlalu cair atau terlalu pekat. Hal ini bertujuan menjadikan ramuan tersebut sesuai untuk disapu atau didemahkan pada bahagian jangkitan kayap. Jika terlalu cair, sapuannya akan meleleh, dan jika terlalu pekat, sapuan adalah sukar untuk dilakukan.

ii) Akar Pokok Bunga Raya Putih

Oleh kerana tumbuhan ini dikatakan bersifat sejuk, keseluruhan bahagian pokok ini adalah sejuk. Seperti juga akar Pokok Delima yang telah dijelaskan, jika ingin menggunakan akar Pokok Bunga Raya Putih, akar pokok tersebut perlu diasah pada permukaan bawah pasu bunga yang diperbuat daripada tanah liat. Pasu tersebut hendaklah daripada pasu yang pecah atau rosak untuk tujuan mengasah akar pada bahagian serpihan pasu yang tajam. Sedikit air akan diletakkan pada permukaan bawah pasu yang rosak untuk melicinkan proses asahan dilakukan. Apabila akar diasah pada bahagian yang diletakkan air tersebut, ianya akan mengeluarkan lendiran air daripada akar Pokok Bunga Raya Putih yang akan diambil sebagai ubat. Asahan akar ini kemudiannya dicampurkan dengan bancuhan Bedak Sejuk. Air yang diasah keluar daripada sejumlah 150 gram akar pokok ini dan dicampur bersama bancuhan Bedak Sejuk adalah mencukupi bagi satu sesi rawatan. Akar pokok yang sejuk digandingkan bersama bedak sejuk ini dipercayai mujarab melawan kayap yang bersifat panas. Ramuan ini disapukan pada bahagian yang terjadinya kayap

iii) Daun Bunga Raya Putih

Selain bunga dan akarnya, daunnya juga boleh dijadikan bahan ubatan sekiranya jumlah bunganya adalah sedikit atau akarnya yang sukar untuk didapatkan. Daunnya akan dipetik terus daripada pokok dengan anggaran kuantiti yang telah dinyatakan. Kaedah pemprosesan bagi Daun Bunga Raya Putih adalah sama seperti bunganya iaitu dengan cara meramas daunnya yang dicampur sedikit air sehingga mengeluarkan lendiran air daripada daunnya. Sesudah itu, bancuhan Bedak Sejuk akan dimasukkan bersama ramasan daun itu tadi. Ramuan ini menghasilkan rasa sejuk pada kulit apabila disapukan pada anggota yang terjadinya kayap. Hal ini dapat menghilangkan rasa sakit atau pedih pada kulit akibat kayap.

Ramuan 3: akar/daun pokok bunga melur, bedak sejuk dan air

Cara Memproses dan Kegunaannya

i) Akar Pokok Bunga Melur

Jika bahagian akar yang digunakan, seperti biasa ianya akan diasah pada permukaan bawah pasu yang kesat sehingga mengeluarkan air daripada akar tersebut. Sedikit air diletakkan pada permukaan bawah pasu untuk melancarkan proses asahan supaya tidak tersekat. Air asahan yang keluar daripada akar pokok ini ditadah dan dicampur dengan bancuhan Bedak Sejuk. Air inilah akan dijadikan ubat kayap dan disapu dibahagian tersebut.

ii) Daun Bunga Melur

Untuk menggunakan daunnya pula, daun yang hijau dan segar akan dipetik daripada pokok. Daun tersebut kemudiannya diproses dengan cara ditumbuk menggunakan lesung batu yang ditambah sedikit air bagi melumatkan bahan. Sesudah itu, seperti biasa bagi setiap tumbuhan yang sejuk sifatnya akan digandingkan bersama Bedak Sejuk yang telah dibancuh untuk memadankan unsur sejuk. Setelah siap menyediakan ramuan ringkas tersebut, airnya sedia disapu dan daunnya yang lumat ditampal pada bahagian kayap. Rasa sejuk daripada bahan tersebut akan menangkis rasa hangat atau panas sifat kayap.

Ramuan 4: daun sirih, daun nangka, buah pinang, lada hitam dan kapur

Cara Memproses dan Kegunaannya

Daun Sirih yang matang akan dipetik daripada pokok. Tidak seperti jenis tumbuhan yang lain, campuran bagi ramuan Daun Sirih adalah sedikit berbeza berbanding ramuan yang lain. Daun Sirih menjadi kemestian untuk digandingkan bersama Buah Pinang dan Daun Nangka serta dua bahan pembantu iaitu Kapur dan Lada Hitam. Hal ini demikian kerana sifat daun sirih yang panas akan bermain dengan unsur kelat dan panas. Unsur kelat dikatakan sejuk. Justeru itu, Daun Sirih yang panas akan dipadankan dengan bahan pembantu yang panas seperti Lada Hitam dan Kapur. Buah Pinang yang kelat, dan Daun Nangka yang kelat menjadikan padanan ini suatu unsur padanan yang berlawanan. Unsur kelat dan panas yang berlawanan dengan sifat kayap yang panas akan dapat meneutralkan rasa tersebut. Daun Nangka akan dilipat dua dan dikoyakkan bagi menanggalkan tulang tengah daunnya yang keras. Daun Sirih pula tidak perlu dibuang tulangnya kerana ciri daunnya yang lembut. Kelima-lima bahan itu tadi akan dicampurkan dan dikunyah lumat oleh informan selaku pengamal perubatan tradisional kayap atau lebih dikenali sebagai bomoh kayap.

Ramuan 5: daun nangka, daun sirih, buah pinang, lada hitam dan kapur

Cara Memproses dan Kegunaannya

Kaedah dan gandingan yang samabagi ramuan Daun Sirih dihasilkan bagi ramuan daripada Daun Nangka. Namun begitu, kuantiti yang berbeza digunakan. Bahan utama yang dijadikan ramuan hendaklah tinggi kuantitinya berbanding bahan-bahan campuran yang lain.

Daun Nangka yang untuk digandingkan bersama Daun Sirih dan Buah Pinang. Hal ini menunjukkan padanan berlawanan antara unsur kelat dan dan unsur panas. Unsur kelat dikatakan sejuk. Justeru itu,

Buah Pinang yang juga kelat sifatnya dipadankan dengan Daun Nangka. Daun Sirih yang panas, Lada Hitam dan Kapur yang panas pula adalah sepadan sifatnya. Hal ini menjadikan padanan ini suatu unsur padanan yang berlawanan. Dikatakan bahawa unsur kelat (sejuk) dan panas yang berlawanan dengan sifat kayap yang panas akan dapat meneutralkan rasa tersebut. Daun Nangka akan dilipat dua dan dikoyakkan bagi menanggalkan tulang tengah daunnya yang keras. Daun sirih pula tidak perlu dibuang tulangnya kerana ciri daunnya yang lembut. Kelima-lima bahan itu tadi akan dicampurkan dan dikunyah lumat oleh informan selaku pengamal perubatan tradisional kayap atau lebih dikenali sebagai Bomoh Kayap.

Ramuan 6: buah pinang, daun sirih, daun nangka, lada hitam dan kapur

Cara Memproses dan Kegunaannya

Buah Pinang akan dikopek kulitnya terlebih dahulu dengan menggunakan kelati. Kemudian, buahnya akan dibelah empat. Setiap belahan ini akan dikacip nipis dengan kuantiti yang dinyatakan. Buah pinang ini akan digandingkan bersama bahan utama yang lain iaitu Daun Sirih dan Daun Nangka serta dua bahan pembantu iaitu Lada Hitam dan Kapur. Hal ini demikian kerana sifat Buah Pinang yang kelat akan digandingkan dengan unsur kelat dan panas. Unsur kelat dikatakan sejuk. Justeru itu, Buah Pinang yang kelat, Daun Nangka yang kelat,

Daun Sirih yang panas, Lada Hitam serta Kapur yang panas menjadikan suatu unsur padanan yang berlawanan. Unsur kelat dan panas yang berlawanan dengan sifat kayap yang panas akan dapat meneutralkan rasa tersebut. Seperti biasa Daun Nangka akan dilipat dua dan dikoyakkan bagi menanggalkan tulang tengah daunnya yang keras. Daun Sirih pula tidak perlu dibuang tulangnya kerana ciri daunnya yang lembut. Kelima-lima bahan itu tadi akan dicampurkan dan dikunyah lumat oleh informan selaku pengamal perubatan tradisional kayap. Kunyahan tersebut dilakukan sedikit demi sedikit.

Ramuan 7: ubi cendol, bedak sejuk dan air

Cara Memproses dan Kegunaannya

Ubi Cendol akan diambil daripada tanamannya dan dicucikan sehingga bersih daripada tanah. Kaedah pemprosesan bagi ubi ini adalah dengan cara digiling sehingga halus menggunakan batu giling. Sedikit air diletakkan untuk melancarkan proses penggilingan. Ubi Cendol ini mengandungi airnya sendiri yang akan diambil sebagai ubat. Setelah selesai digiling, seperti biasa, tumbuhan yang bersifat sejuk akan dicampurkan bersama bancuhan bedak sejuk dalam kuantiti yang telah dinyatakan. Apabila selesai memproses ramuan ini, bahannya yang terdiri daripada isi Ubi Cendol akan ditampalkan pada anggota yang dihidapi kayap, manakala airnya akan disapu pada bahagian kayap tersebut. Dikatakan bahawa untuk kesan yang lebih baik, Ubi Cendol boleh digandingkan bersama Pokok Setawar dalam menghasilkan ramuannya.

Ramuan 8: ubi kayap, bedak sejuk dan air

Cara Memproses dan Kegunaannya

Untuk pemprosesan ubat ini, ubi kayap akan diasah seperti mana bahagian akar pokok yang diguna pakai iaitu pada permukaan bawah pasu yang kesat. Ubi Kayap akan dikopek terlebih dahulu kulitnya sebelum diasah. Asahan pada pasu tersebut akan mengeluarkan air daripada ubi tersebut yang berwarna putih susu. Kemudiannya air asahan ini akan ditadah ke dalam bekas untuk dijadikan bahan pengubat. Air ini sangat sejuk sifatnya jika disentuh menggunakan jari. Oleh kerana ubi kayap sangat mujarab, ubinya dijadikan hampir sepenuhnya sebagai bahan ramuan. Hanya sedikit Bedak Sejuk diambil dan dibancuh terus ke dalam air asahan yang telah ditadahkan. Isi ubinya yang hancur akan ditampal pada bahagian kayap, manakala airnya akan disapu atau dipedapkan juga pada bahagian kayap tersebut supaya ianya sentiasa basah dan sejuk melekat pada kulit.

Ramuan 9: pokok duit-duit, bedak sejuk dan air

Cara Memproses dan Kegunaannya

Daun pokok duit-duit sahaja yang akan diambil dengan cara dilurutkan daripada batangnya. Setelah itu, Daun Pokok Duit-duit ini akan digiling menggunakan batu giling untuk dihancurkan dan dijadikan bahan ubat. Daun ini juga boleh ditumbuk menggunakan lesung batu dengan kadar separa lumat. Sedikit air diletakkan untuk memudahkan proses gilingan atau tumbukan sehingga daun ini mengeluarkan airnya sendiri. Kemudiannya, Bedak Sejuk akan dibancuh bersama sedikit air dan digaulkan bersama Daun Duit-duit yang telah diproses itu tadi. Campuran ini akan digaul sehingga sebatu untuk ditampalkan pada bahagian kayap. Dimaklumkan bahawa Pokok Duit-duit ini juga boleh dicampurkan dengan spesies tumbuhan sejuk yang lain seperti Ubi Cendol dan Pokok Setawar. Campuran tersebut adalah dalam kuantiti yang sama. Hal ini bertujuan menambahkan lagi kuasa penyejuk semulajadi tumbuhan tersebut dalam menangani penyakit kayap yang panas sifatnya.

Ramuan 10: pokok setawar, bedak sejuk dan air

Cara Memproses

Daun pokok setawar akan diambil dan digiling. Oleh kerana ciri daun ini yang mengandungi banyak air di dalamnya, proses penggilingan adalah lebih sesuai dilakukan. Sedikit berbeza dengan gilingan bahan yang lain, Daun Setawar digiling menggunakan belakang tempurung kelapa. Hal ini demikian kerana permukaan tempurung kelapa yang kesat menyebabkan air yang keluar daripada daun ini tidak akan mengalir atau meleleh jatuh ke lantai. Daun ini akan digesel lumat sehingga mengeluarkan air yang kemudiannya ditadah ke dalam bekas. Daunnya yang telah lumat digesel atau digiling bahagian bawah tempurung kelapa akan dimasukkan ke dalam bekas berisi air daunnya yang ditadahkan itu tadi. Kemudiannya, bancuhan Bedak Sejuk dimasukkan dan dikacau sebatu bersama bahan tersebut. Setelah itu ianya sedia ditampal pada anggota yang mengalami kayap.

Kaedah Pemprosesan Ramuan

Mengikut kepada kaedah pemprosesan yang telah dinyatakan tadi, terdapat beberapa jenis kaedah yang digunakan iaitu:

- a) Ditumbuk menggunakan lesung batu
- b) Dikisar menggunakan mesin pengisar
- c) Digiling menggunakan batu giling atau bawah tempurung
- d) Diasah menggunakan permukaan bawah pasu
- e) Dikunyah menggunakan mulut
- f) Diramas menggunakan tangan

Kaedah ini bergantung kepada kesesuaian bahan. Untuk lebih jelas lagi, pengkaji mengklasifikasikan jenis bahan dan kaedah yang digunakan seperti dalam jadual berikut:

BIL.	JENIS BAHAN	KAEDAH
1.	Pokok Delima	
	i) Buah	Dikisar
	ii) Kulit	Dikisar
	iii) Akar	Diasah
	iv) Daun	Ditumbuk
2.	Pokok Bunga Raya Putih	
	i) Bunga	Diramas
	ii) Daun	Diramas
	iii) Akar	Diasah
3.	Pokok Bunga Melur	
	i) Daun/Pucuk	Ditumbuk
	ii) Akar	Diasah
4.	Daun Sirih	Dikunyah
5.	Daun Nangka	Dikunyah
6.	Buah Pinang	Dikunyah
7.	Ubi Cendol	Digiling
8.	Ubi Kayap	Diasah
9.	Pokok Duit-duit	Digiling
10.	Pokok Setawar	Digiling

Ritual Perubatan Penyakit Kayap

Berkenaan ritual perubatan penyakit kayap, pengkaji dimaklumkan bahawa rawatannya perlu diikuti bacaan ayat suci al-Quran bagi surah-surah yang terpilih yang sesuai diamalkan bagi mengubati penyakit ini. Ayat-ayat tertentu tersebut akan dibacakan pada dua keadaan iaitu sebelum dan semasa menjalankan rawatan.

Sebelum Memulakan Rawatan

Sebelum ritual perubatan dijalankan, pengamal perubatan ini terlebih dahulu perlu menyediakan ramuan ubatan yang telah pengkaji nyatakan pada bahagian analisis bahan-bahan yang digunakan. Bacaan ayat tertentu dibacakan dan dihembus pada bahan-bahan yang digunakan sebagai ubatan itu tadi sebelum diproses menjadi ramuan. Ayat suci al-Quran tersebut terdiri daripada surah-surah berikut:

a) Surah an-Nashr (3 kali)

Yang bermaksud: "Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan, dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan berbondong-bondong, maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada-Nya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima taubat". (QS: an- Nashr: 603)

Surah An-Nasr adalah surah ke-110 dalam Al Quran. Surah ini terdiri atas 3 ayat dan termasuk dalam surah Madaniyah. An Nashr bererti pertolongan. Nama surah ini berkaitan dengan topik surah ini iaitu janji bahawasanya pertolongan Allah akan datang dan Islam akan memperoleh kemenangan.

Justeru itu, surah ini dibaca dengan meyakini bahawa pertolongan Allah akan sampai bagi menyembuhkan penyakit di atas usaha atau ikhtiar berubat yang dijalankan. Surah ini dibacakan tiga (3) kali pada bahan-bahan yang dijadikan ramuan ubat.

b) Surah al-Asr (Sekali)

Seterusnya, turut dibacakan juga surah al-Asr.

Yang bermaksud: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati supaya mentaati kebenaran dan saling menasihati supaya menetapi kesabaran". (QS: Al „Ashr: 601)
Menerusi terjemahan, surah ini adalah berkaitan masa dan menetapi sabar. Justeru itu, surah ini diambil dan diamalkan sebagai doa bagi mengubati penyakit kayap dengan harapan agar penyakit ini diberi kesembuhan bagi jangka masa yang cepat jika beramal dengannya serta sabar menjalani penyakit.

Semasa Menjalankan Rawatan

Semasa menjalankan ritual perubatan pula, pesakit yang berbaring di tempat yang disediakan akan didatangi Bomoh Kayap ini dengan bacaan surah lain yakni:

c) Ayat Kursi (3 kali)

Yang bermaksud: "Allah tiada Tuhan selain Dia yang maha kekal lagi terus menerus mengurus makhluknya. Tiada mengantuk dan tidak tidur kepunyaannya apa yang di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafa'at disisi Allah tanpa izinnya? Allah mengetahui apa-apa yang ada di belakang mereka dan didepan mereka,dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang di kehendaknya.kursi Allah meliputi langit dan bumi, dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya,dan Allah lagi maha tinggi dan Maha besar". (QS: Al- Baqarah: 255)

Sebagai umat Islam, kita mempercayai akan khasiat dan mukjizat ayat al-Quran. Ayat Kursi yang terkandung dalam surah al-Baqarah ini adalah besar fadhilatnya. Apabila dibacanya dengan khusyuk setiap kali setelah solat fardhu, setiap pagi dan petang, setiap keluar masuk rumah atau hendak musafir, InsyaAllah akan terpelihara dirinya dari gangguan syaitan, kejahatan manusia, binatang buas yang dapat memudaratkan diri dan keluarga, juga harta benda yang akan terpelihara dengan izin Allah S.W.T.

Secara kepercayaan tradisi lama, penyakit kayap ada kaitannya dengan unsur tahyul. Dikatakan bahawa penyakit ini sering didampingi bersama jin atau syaitan yang suka pada kotoran kayap yang bernanah. Makhluk ini akan mengganggu emosi pesakit dan menjilat segala kotoran nanah dan darah daripada kayap. Justeru itu, pengamal perubatan ini beramal dengan bacaan Ayat Kursi ini bagi mengusir gangguan-gangguan makhluk tersebut.

Kaedah Rawatan Diberikan

Dalam usaha memberikan rawatan, pengamal perubatan tradisional ini memberikan rawatan melalui dua cara yakni secara berkunjung atau bertandang. Kelebihan rawatan yang diberikan oleh pengamal perubatan ini adalah beliau tidak menetapkan kadar bayaran tertentu atas rawatan yang diberikan, sebaliknya bergantung kepada keikhlasan hati keluarga pesakit untuk memberikan sumbangan ke atas jasa beliau.

Berkunjung

Menurut pengamal perubatan kayap ini, beliau akan berkunjung ke rumah pesakit bagi memberi rawatan pada keadaan tertentu. Keadaan tersebut merujuk kepada pesakit yang mengalami tahap kayap yang serius pada bahagian anggota badan yang sukar membolehkannya bergerak

untuk datang ke rumah menjalani rawatan. Selain itu, atas faktor budi bicara, beliau juga akan berkunjung sekiranya diminta oleh ahli keluarga pesakit yang tinggal jauh dari petempatan beliau dan sukar untuk bertandang bagi menjalani rawatan. Kadang kala juga, beliau akan berkunjung sendiri ke rumah-rumah pesakit yang terdekat untuk menjalankan rawatan secara terus di sana. Dengan cara berkunjung, Bomoh Kayap ini akan menyediakan bahan- bahan dari rumah dan dibawa bersamanya dengan kadar yang mencukupi.

Walaupun begitu, terdapat kekurangan bagi kaedah rawatan yang diberikan secara berkunjung. Kekurangannya ialah informan hanya akan melakukan sekali sahaja ritual perubatan dalam tempoh masa satu hingga dua jam dalam sehari, kemudiannya beliau akan meminta ahli keluarga melakukan sendiri ritual tersebut dengan mengikut kepada langkah-langkah dan petua yang diberikannya. Hal ini demikian kerana pengamal perubatan ini tidak boleh berkunjung lebih daripada tiga kali ke rumah pesakit mengikut kepada kepercayaan pantang larang yang diamalkan. Hal ini dibimbangi penyakit tersebut menyerang balas ke atas dirinya. Rawatan tersebut hedaklah dilakukan oleh orang yang terdekat dengan pesakit atau ahli keluarganya secara berterusan selama beberapa hari sehingga diyakini sembuh penyakit. Hal ini mungkin sedikit sukar bagi mereka untuk melakukannya namun perlu dilakukan untuk kesembuhan penyakit. Jika kekurangan bahan, pihak pesakit boleh datang sendiri ke rumahnya untuk mendapatkan bahan atau bahan akan dikirim melalui pengeposan. Tiada nilai bayaran dinyatakan melainkan sumbang bakti beliau dan pada kebiasaannya akan dibalas semula dengan sedikit sumbangan berbentuk wang.

Bertandang

Bertandang bererti pesakit sendiri akan datang ke rumah informan selaku pengamal perubatan tradisional kayap. Di rumahnya telah disediakan bilik khas untuk menjalankan rawatan. Kepelbagaiaan bahan ubat juga turut disediakan dan boleh didapati terus dari rumahnya. Untuk bertandang, pesakit atau ahli keluarga pesakit perlu memaklumkan terlebih dahulu melalui panggilan telefon. Hal ini bagi memastikan keberadaan Bomoh Kayap di rumah serta bersedia untuk menyediakan bahan rawatan. Kelebihan bagi pesakit yang bertandang terus ke rumah adalah kekerapan rawatan yang diberikan adalah lebih iaitu antara tiga hingga empat kali rawatan dalam sehari. Bomoh kayap juga boleh sentiasa memerhati pesakitnya dalam tempoh tiga hingga empat jam memberi rawatan. Setelah itu pesakit boleh pulang ke rumah dan datang semula pada keesokan harinya. Perbuatan tersebut dilakukan secara berturut-turut hari demi-hari sehingga diyakini sembuh penyakit.

Jenis Rawatan

Untuk merawat penyakit kayap, terdapat jenis rawatan tertentu yang diamalkan oleh bomoh kayap ini. Jenis rawatan tersebut adalah rawatan secara kering dan basah. Jenis rawatan ini diberikan mengikut kepada jenis-jenis bahan (tumbuhan) atau ramuan ubat berunsur sejuk-panas yang ingin digunakan.

Cara Kering

Rawatan secara kering dilakukan bagi jenis Kayap Besar sahaja. Rawatan cara ini memerlukan tumbuhan atau ramuan yang bersifat panas. Tiga jenis ramuan ubatan sahaja dikhususkan bagi rawatan jenis ini yakni:

- a) Ramuan Daun Sirih,
- b) Ramuan Daun Nangka
- c) Ramuan Buah Pinang

Walaupun semua tumbuhan semulajadi yang diambil sebagai bahan rawatan dikatakan sesuai mengubati semua jenis kayap, terdapat juga ciri khas pada tumbuhan tersebut yang menjadikannya lebih sesuai diubatkan pada jenis kayap tertentu. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga ramuan ini banyak menggunakan bahan pembantu yang kering dan panas sebagai gandingan iaitu Kapur dan Lada Hitam. Bagi rawatan secara kering juga, seperti yang telah diceritakan pada bahagian cara memproses ramuan ketiga-tiga bahan ini, rawatan secara kering langsung tidak menggunakan air.

Rasionalnya, faktor kering adalah disebabkan panas. Oleh hal yang demikian, jenis rawatan kering dikatakan sebagai rawatan unsur panas berlawanan panas. Hal ini bermaksud khasiat atau kuasa ramuan bahan yang panas akan berlawananan dengan sifat kayap yang dikatakan panas seterusnya menjadikannya kesakitan kayap itu sejuk. Rawatan cara kering hanya dilakukan bagi mengubati Kayap Besar. Dikatakan bahawa rawatan jenis ini sangat cepat menyerap dengan kuasa ramuan ubatan yang mampu menghisap segala cecair berbisa dan nanah yang terhasil daripada kayap sehinggalah kering.

Cara Basah

Rawatan secara basah pula boleh dilakukan bagi jenis Kayap Kecil dan Kayap Besar. Lazimnya rawatan cara ini dilakukan bagi jenis Kayap Kecil. Hal ini kerana bagi jenis Kayap Besar, rawatan cara kering adalah lebih mujarab dan cepat kesan penyembuhannya berbanding cara basah. Rawatan ini menggunakan tumbuhan atau ramuan yang bersifat sejuk. Rawatan jenis ini dikhususkan untuk kesemua jenis tumbuhan sejuk atau ramuan yang digandingkan bersama bedak sejuk. Antaranya ialah:

- a) Ramuan Pokok Delima
- b) Ramuan Pokok Bunga Raya Putih
- c) Ramuan Pokok Bunga Melur
- d) Ramuan Ubi Cendol
- e) Ramuan Ubi Sagu Bemban
- f) Ramuan Pokok Duit-duit
- g) Ramuan Pokok Setawar

Cara basah diaplikasikan oleh kerana ciri fizikal ramuan ubatan tersebut yang dihasilkan secara basah menggunakan air. Rasionalnya pula, faktor sejuk adalah disebabkan basah. Oleh hal yang demikian, jenis rawatan basah ini dikatakan sebagai rawatan unsur sejuk berlawanan panas. Hal ini bermaksud khasiat atau kuasa ramuan bahan yang sejuk akan berlawananan dengan sifat kayap yang dikatakan panas seterusnya menjadikannya kesakitan kayap itu sejuk. Rawatan cara basah biasanya dilakukan bagi mengubati Kayap Kecil. Dikatakan bahawa rawatan jenis ini agak lambat bertindak balas ke atas jenis penyakit kerana sifat basahnya yang menyejukkan panas kayap memakan masa untuk mengeringkan penyakit tersebut.

Teknik Rawatan

Untuk mengaplikasikan jenis rawatan yang ingin diberikan, teknik rawatan berbeza dilakukan berdasarkan perbezaan jenis rawatan. Terdapat dua (2) teknik rawatan yang dilakukan bomoh kayap ini iaitu teknik semburan dan teknik sapu dan tampal.

Semburan

Teknik semburan dilakukan bagi jenis rawatan secara kering. Bahan-bahan rawatan kering yang telah dibacakan doa dan diproses secara dimamah (dikunyah) lumat oleh bomoh kayap sendiri kemudiannya akan disemburkan ke bahagian terjadinya kayap. Teknik semburan ini memerlukan kemahiran tersendiri oleh pengamal perubatan kayap ini. Semburan akan dimulakan daripada pangkal kayap sehinggalah ke hujungnya. Hal ini bermaksud semburan itu

tadi dimulakan pada bahagian awal terjadinya kayap sehingga ke kawasan yang merebak. Kekerapan semburan dilakukan adalah bergantung kepada bomoh kayap sehingga semburan tersebut menutupi keseluruhan bahagian kayap pada anggota badan.

Oleh kerana teknik semburan dilakukan bagi jenis rawatan kering, teknik ini hanya digunakan bagi mengubati jenis Kayap Besar yang terjadi pada tiga anggota utama iaitu kepala, dada dan peha.

Sapu dan Tampal

Teknik sapu dan tampal ini dilakukan bagi jenis rawatan secara basah. Bahan-bahan rawatan basah yang telah dibacakan doadan diproses menggunakan alatan tertentu yang telah diceritakan akan diletakkan serentak pada bahagian kayap. Ramuannya yang dihancurkan akan ditampal pada kawasan terjadinya kayap. Air daripada ramuan tersebut pula akan disapu dan dipedapkan bahagian kayap supaya bahan yang ditampal itu tadi sentiasa basah dan melekat pada kulit untuk tujuan rawatan. Pun begitu, ramuan air akar sahaja juga boleh disapu terus pada bahagian kayap jika tidak digandingkan bersama ramuan daun, ubi atau bunga tumbuhan.

Teknik sapu dan tampal ini tidak memerlukan kemahiran khusus sepertimana teknik semburan. Teknik ini boleh sahaja dilakukan sendiri oleh ahli keluarga pesakit setelah ramuannya disediakan oleh Bomoh Kayap. Ritual perubatan secara sapu dan tampal ini tidak mempunyai langkah khusus untuk dimulakan. Ianya boleh dimulakan pada setiap bahagian kayap tanpa mengira pucuk pangkalnya. Kekerapan tampalan ubat biasanya dilakukan dua kali sehari, manakala kekerapan sapuan air daripada ramuan ubat tersebut dilakukan setiap kali pesakit merasakan hilang sejuk bahan tersebut atau kelihatan kering pada bahagian kayap tubuhnya.

Teknik sapu dan tampal yang dilakukan bagi jenis rawatan basah boleh digunakan bagi mengubati jenis kayap kecil dan besar. Lazimnya teknik ini digunakan bagi merawat kayap kecil kerana kesannya sembuhan agak lambat berbanding teknik semburan bagi jenis rawatan cara kering.

Kekerapan Merawat

Kekerapan merawat penyakit kayap ini adalah tidak menentu. Namun begitu dikatakan bahawa sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari rawatan diberikan tidak kiralah rawatan secara kering atau basah mahu pun secara semburan atau sapuan. Untuk melihat kesan kering dan hilang rasa sakit adalah dalam masa tiga (3) hari sahaja.

Dengan perkiraan bomoh kayap ini yakni sehari (siang) bersamaan 12 jam, dan sehari semalam (siang dan malam) bersamaan dengan 24 jam, beliau mengambil tempoh 12 jam untuk rawatan. Rawatan akan diberikan dengan perkiraan setiap empat jam sekali. Hal ini bermakna rawatan kering secara semburan akan disemburkan setiap empat jam sekali sebanyak tiga kali setelah kelihatan kering dan berkeruping bahan tersebut pada anggota kayap. Begitu juga jenis rawatan basah dengan teknik sapuan dan tampal yang akan dilakukan setiap empat jam sekali sebanyak tiga kali sehari setelah kering air sapuan dan bahan yang ditampal pada anggota yang terjadinya kayap. Proses ini dilakukan setiap hari hingga diyakini sembuh dan kering penyakit kayap yang dikandung nanah dan cecair berbisa. Kesembuhan ini akan ditandai dengan keruping pada anggota kayap yang telah kering dan mengeras serta hilang sepenuhnya rasa sakit akibat kayap.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, setiap penyakit ada penawarnya. Terdapat pelbagai jenis penyakit Allah ciptakan dan dihadirkan bersamanya ubat. Unsur sejuk-panas dijadikan pedoman atau panduan

mengubati penyakit kayap. Oleh kerana kayap bersifat panas, padanan unsur sejuk dan unsur panas dimainkan oleh pengamal perubatan kayap. Unsur ini diaplikasikan menerusi bahan-bahan yang digunakan sebagai ramuan untuk dijadikan ubat penyakit kayap.

Bagi mengubati penyakit kayap secara tradisional juga, ritual-ritual tertentu dijadikan langkah demi langkah untuk menjalankan rawatan. Hasil kajian mendapati ritual perubatan tradisional ini memberi kesan positif terhadap hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Hal ini menerusi kaedah rawatan yang diberikan seperti berkunjung merawat pesakit serta sedia menerima kunjungan pesakit ke rumah. Hal ini sekali gus mewujudkan silaturahim antara satu sama lain.

Ritual perubatan kayap juga sangat menitikberatkan kerjasama. Kerjasama wujud antara pesakit, ahli keluarga pesakit, pengamal perubatan kayap tersebut serta ahli keluarganya. Hal ini dapat dilihat dari aspek kaedah rawatan diberikan yakni Bomoh Kayap boleh bekerjasama hadir memberikan rawatan sekiranya pihak pesakit tidak dapat hadir ke rumahnya. Selain itu kerjasama turut diberikan oleh kedua-dua belah pihak dalam menjayakan pantang larang bagi penyakit kayap iaitu tidak boleh menggoreng jika sekali pun berasakan lapar.

Dalam masyarakat Melayu, kita telah dididik dengan norma-norma yang baik serta ajaran yang tidak bertentangan dengan Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi ritual sebelum dan semasa memulakan rawatan. Pengamal perubatan kayap ini bergantung kepada ayat suci al-Quran sebagai penyokong untuk meminta kesembuhan daripada Tuhan. Tiada amalan jampi atau mantera yang dilakukan melainkan yakin dengan kesucian ayat al-Quran.

RUJUKAN

- Ahmad Zabani. (2001). Rawatan dan Kaedah Perubatan Santau. Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Al-Qur'an Darul Iman. (2007). Al-Quran dan Terjemahannya. Kuala Lumpur :Pustaka DarulIman.
- Amran Kasimin dan Abdullah Seman. (1995). Berurut untuk Pemulihan Urat Saraf. Kuala Lumpur : Dinie Publishers.
- George M. Foster. (1972). Hippocrates' Latin American Legacy. Humoral Medicine in the New World : Gordon and Publish Science Publishers S.A.
- Haliza Mohd Riji. (1999). Penjagaan Kesihatan dan Rawatan: Prinsip dan Teori dalam Perubatan Melayu. Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhalim Haji Ibrahim. (1996). Perubatan Tradisional. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nurdeng Deuraseh & Hayati Lateh. (2011). Rukyah (Jampi) dalam Perubatan Tradisional Melayu sebagai Rawatan Penyakit, Pencegahan, Pendinding Diri dan Harta: Kehebatan dan Sumbangan Ilmuwan Nusantara. Universiti Kebangsaan Malaysia : Selangor.
- RosnitaMahadi@Zakaria. (2008). Mengurut: Satu Kajian Rawatan Tradisional dan Pemulihan Urat Saraf Khusus Bagi Wanita Selepas Bersalin. Universiti Malaya : Kuala Lumpur.

